

LATIHAN BEBANAN

Pengenalan

Latihan bebanan sudah menjadi sebahagian daripada program pendidikan jasmani dan olahraga untuk perkembangan keseluruhan tubuh, meninggikan kebolehan dan keupayaan untuk melakukan suatu aktiviti. Penyelidikan mengenai nilai latihan menggunakan bebanan dalam meningkatkan kekuatan, daya tahan, kuasa eksplosif, kelenturan dan kecekapan penguncupan otot-otot serta pemulihan bahagian tubuh yang cedera sudah banyak dilakukan dan mendatangkan kesan yang positif

Latihan dengan menggunakan beban adalah sesuai dalam pertumbuhan otot untuk kekuatan bagi persediaan dalam berbagai jenis sukan, pertumbuhan tubuh secara keseluruhan, meninggikan keupayaan jasmani, menambah ataupun mengurangkan berat tubuh, dan menambahkan keupayaan suatu kumpulan otot dalam masa yang singkat. Latihan bebanan adalah suatu program latihan yang sistematik, dimana otot-otot secara beransur-ansur dilatih menggunakan beban dan seterusnya memperbaiki fungsi-fungsi sistem dalam tubuh.

Angkat berat berbeza dengan latihan bebanan, latihan bebanan merupakan suatu system dimana beberapa bentuk latihan berat digunakan untuk mendapat kekuatan, kepantasan dan daya tahan. Kebanyakan system latihan yang digunakan sekarang adalah berasaskan kepada penyesuaian kaedah De Lome, iaitu latihan dimana beban ditambah secara beransur ansur menggunakan prinsip overload.

Sejarah Latihan Bebanan

Latihan beban bermula pada zaman Greek oleh Milo yang memikul seekor anak lembu ke stadium Olympia. Milo merupakan pengasas kepada prinsip asas latihan bebanan. Orang-orang Greek juga telah meninggalkan ilustrasi latihan atlet-atlet mereka dengan beban batu seperti Hercules atau Heracles

yang dikatakan menggunakan latihan kekuatan atau ketahanan semasa berguru pada Chiron. (Forbes, 1929)

Galen telah menulis *Preservation of Health*, tentang latihan bebanan dan membincangkan tentang dua kelas latihan yang berbeza-beza. Pertama, pantas tidak melibatkan angkat berat dan seterusnya digelar sebagai kasar yang melibatkan angkat berat. Pada tahun 1531, Sir Thomas Elyot telah menerbitkan sebuah buku tentang latihan bebanan dan telah memasuki bidang akademik di Eropa pada tahun 1544, seperti universiti-universiti di German dan Perancis. Seorang saintis Dila Hire perancis yang menawarkan kelas-kelas latihan bebanan selari dengan penerbitan beberapa buah buku pada tahun 1699.

Pada tahun 1940, askar-askar menggunakan latihan bebanan untuk peperangan. Latihan bebanan selalu dikaitkan dengan sifat kelelahan, pada tahun 1728 John Paugh telah menulis buku *A Physiological Teoritical and Practical Treatise on the Utility of Muscular Exercise for Restoring the Power to the Limbs*. Morpurgo telah menjelaskan peningkatan saiz otot bukannya peningkatan jumlah fiber, sebaliknya peningkatan fiber hipertropi. Pada tahun 1972, Eyster juga telah membuktikan kajian yang sama.

Pada tahun 1950an, syarikat Universal Equipment telah menghasilkan system latihan bebanan. Rober telah memperkenalkan indeks kecergasan fizikal dan indeks kekuatan untuk latihan bebanan pada tahun 1925. Mc Cloy telah memperbaiki telah memperbaiki ujian kekuatan otot yang menyentuh aspek pengelolaan, skor dan kesahannya. Kajian-kajian pada tahun 1950an telah membuktikan bahawa latihan bebanan penting dalam pelbagai bidang sukan.

O'shea (1976) di dalam kajiannya mendapati kekuatan dan dayatahan otot dapat ditingkatkan melalui 5 – 6 ulangan untuk 3 – 4 set dengan menggunakan bebanan daripada berat maksimum. Latihan bebanan yang dicadangkan oleh Delmore merupakan suatu system latihan progresif iaitu :

- 1) Untuk mencapai objektif membina kuasa dan mengurangkan hipertrofi otot, delmore menggunakan system rintangan yang tinggi dengan ulangan yang rendah.
- 2) Untuk membina dayatahan otot, system rintangan rendah dan ualangan yang tinggi.

Pada tahun 1951 Zinovieff telah memperbaharui kaedah Delmore dengan menciptakan kaedah yang dikenali sebagai "Oxford". Kaedah ini masih memfokuskan pada penekanan rintangan yang tinggi dengan ulangan yang rendah. Perbezaan kaedah ini dengan Delmore adalah pada tahap permulaan latihan dimulakan bebanan yang berat kepada yang ringan.

Kaedah Oxford lebih berkesan untuk mencapai matlamat pertambahan kekuatan otot. Kaedah ini kemudian disahkan oleh Mc. Morris dan Elkins (1954) yang telah menjalankan keatas kedua-dua kaedah tadi. Hasil kaedah mereka menunjukkan bahawa kaedah Oxford mempunyai peningkatan sebanyak 5.5%.

Sejarah Latihan Bebanan

Latihan bebanan merupakan suatu kaedah yang memusatkan penggunaan bebanan bagi tujuan Meningkatkan komponen-komponen kecergasan terutama sekali dari segi kekuatan, kuasa, dan daya tahan otot. Program latihan bebanan yang berkesan perlu mengambil kira faktor-faktor seperti intensity latihan, jangka masa latihan dan pemulihan, bilangan ulangan dan jumlah set yang ditetapkan dalam setiap aktiviti dan kekerapan latihan dalam seminggu.

Selain daripada itu, latihan adalah berdasarkan prinsip latihan bebanan secara progresif bagi Meningkatkan kekuatan, dayatahan, kuasa, kelenturan, dan kepantasan. Program ini tertakluk kepada :

- ✚ Intensity

- ✚ Jumlah ulangan set

📌 Kekerapan latihan

Jenis-jenis Latihan Bebanan

Terdapat 3 jenis latihan bebanan yang boleh Meningkatkan kekuatan iaitu :

1) Latihan Isometrik

Isometrik bermaksud tanpa perubahan pemanjangan otot. Oleh itu, latihan isometric ialah suatu jenis latihan kekuatan yang dilakukan tanpa melibatkan pergerakan atau pertukaran pemanjangan otot-otot yang terlibat. Apa yang berlaku ialah pemanjangan static. Latihan ini boleh menambahkan kekuatan tetapi kualiti yang di tambah adalah kurang memuaskan dan tidak mempunyai banyak faedah.

2) Latihan Isotonik

Latihan isotonic bermaksud otot-otot yang terlibat akan dipendekkan semasa senaman dilakukan. Latihan isotonic lebih berfaedah daripada latihan isometric. Alatan-alatan yang digunakan dalam latihan ini termasuk dumbbell, barbell serta mesin multi-gym, universal, dan paramount. Contohnya ialah bicep curl weider.

3) Latihan Isokinetik

Latihan isokinetik adalah gabungan faedah-faedah daripada kedua-dua latihan isometric dan isotonic. Oleh itu, kaedah latihan ini adalah yang paling berkesan untuk melibatkan keseluruhan otot-otot. Dalam latihan ini, beban atau rintangan di ubahsuai secara automatic kepada daya yang dikenakan oleh otot-otot. Antara mesin-mesin yang digunakan untuk latihan isokinetik adalah cybex orthotron, cybex II dan mini-gym. Contoh senaman isokinetik ialah senaman dengan menggunakan alatan pengayuh, roweri dan alat nautilus.

Objek Latihan Bebanan

📌 Meningkatkan kekuatan otot

- ✚ Meningkatkan tahap kelembutan dan kepantasan
- ✚ Meningkatkan kuasa eksplosif
- ✚ Meningkatkan daya tahan otot
- ✚ Untuk pemulihan daripada kecederaan
- ✚ Meningkatkan daya tahan kardiovaskular

Rasional Latihan Bebanan

Setiap latihan yang ingin dijalankan mempunyai rasional mengapa ia dipilih. Pada latihan bebanan terdapat beberapa sebab mengapa kaedah ini dipilih dan antaranya ialah:

- ✚ Dapat menghasilkan kecergasan secara keseluruhan kerana dapat menyatukan beberapa komponen latihan.
- ✚ Latihan bebanan ini dapat menghasilkan satu latihan yang berintergrasi yang seterusnya dapat Meningkatkan kekuatan otot dan daya tahan otot secara khusus untuk mengurangkan risiko cedera.
- ✚ Dapat Meningkatkan prestasi lakuan motor secara keseluruhan.
- ✚ Mudah dilaksanakan kerana hanya memerlukan sedikit penyeliaan dan tempat yang ingin dijalankan juga mudah didapati.

Prinsip Latihan Bebanan

Prinsip-prinsip latihan bebanan hendaklah dijalankan berdasarkan kaedah ansur maju yang progresif. Iaitu penambahan intensity secara beransur-ansur dan ini boleh dilaksanakan dengan :

1) *Overload*

Pada permulaan latihan bebanan hendaklah sesuai dengan keupayaan atlet, dimana pertambahan berat bebanan haruslah secara ansur maju.

2) *Latihan urutan (arrangement of exercise)*

Untuk mengelakkan kecederaan ataupun kelesuan yang berlaku pada otot kecil, maka latihan bebanan perlu dilakukan ke atas otot-otot utama (besar) terlebih dahulu. Otot-otot yang sama tidak boleh dilatih berturut-turut sebaliknya otot yang telah dilatih direhatkan sementara melatih otot-otot lain.

3) *Pengkhususan latihan*

Bentuk latihan haruslah khusus kepada anggota badan (otot-otot) yang terlibat dalam jenis sukan yang diikuti.

4) *Kekerapan latihan (bilangan hari dan set)*

Kekerapan set dan ulangan haruslah diberikan perhatian dalam menjalankan latihan bebanan. Latihan dijalankan secara berselang hari untuk member masa yang mencukupi untuk pemulihan otot bagi mengelakkan sebarang kecederaan otot. Jika terjadi kecederaan, tahap kekuatan optima tidak akan tercapai.

5) *Ansur maju (progression)*

Bagi latihan bebanan, beban kerja harus ditambah mengikut masa yang tertentu. Peningkatan beban kerja yang sistematik akan mengakibatkan pertambahan dalam kekuatan dan daya tahan otot. Ia juga untuk mencegah kecederaan pada otot dan ligament. Beban kerja atlet boleh ditambah melalui ulangan yang dapat di lakukannya.

Faktor-faktor yang di pertimbangkan Apabila Menyediakan Latihan Bebanan

1 *Keselamatan*

Keselamatan merupakan perkara yang mesti diperhatikan semasa membuat latihan, perkara-perkara berikut adalah perlu mendapat perhatian :

- ✚ Jangan menahan nafas semasa mengangkat beban, kerana ini boleh menyebabkan pening kepala ataupun pitam.

- ✚ Elakan beban yang terlalu berat tanpa bantuan pembantu.
- ✚ Pastikan bahawa tidak ada orang yang terlalu dekat dengan anda semasa berlatih.
- ✚ Pastikan bahawa alatan bebanan yang digunakan dalam keadaan baik dan kemas.
- ✚ Kemaskan tempat latihan dengan tidak meletakkan beban bersepah di merata tempat.
- ✚ Keluarkan bebanan daripada palang untuk menghindarkan orang yang datang kemudian daripada membuat latihan dengan membuat bebanan yang tidak sesuai.
- ✚ Bisakan diri dengan meletakkan beratan di lantai atau tempat asalnya.
- ✚ Memanaskan tubuh sebelum melakukan latihan adalah penting untuk menyediakan otot-otot dan mengelakkan daripada kecederaan.

2 *Pernafasan*

Cara bernafas yang betul adalah penting dalam latihan kerana tubuh memerlukan bekalan oksigen yang mencukupi semasa otot-otot berfungsi. Walaupun cara bernafas yang berkesan semasa latihan masih dipertikaikan, Dintiman dan Barrow menyetujui bahawa dicadangkan supaya hembusan nafas keluar mestilah dilakukan semasa otot-otot berada dalam keadaan mengendur. Dengan perkataan lain, semasa latihan, hembusan masuk hendaklah dilakukan semasa mengangkat beban dan dikeluarkan semasa menurunkan beban. Menahan nafas semasa membuat latihan adalah dilarang.

3 *Memilih Latihan*

Latihan yang menggunakan beban adalah tergantung kepada tujuan seorang individu. Oleh itu, adalah penting bagi seseorang menentukan tujuannya sebelum melakukan latihan bebanan. Secara umum, adalah perlu memulakan latihan untuk membangun kekuatan secara keseluruhan dan kemudian dilakukan latihan secara khusus seperti yang dilakukan. Kaedah yang umum yang selalu dilakukan adalah melakukan latihan tangan dan bahu, kemudian

latihan untuk bahagian abdomen dan diikuti dengan latihan untuk bahagian kaki (white-head).

Kaedah Latihan Bebanan

- ✚ Matlamat yang ingin dicapai harus ditentukan sama ada untuk daya tahan otot atau kekuatan otot.
- ✚ Jurulatih harus mencari bebanan maksimum yang mana atlet boleh laksanakan kemudian.
 - § 50% - 60% untuk mendapatkan daya tahan otot.
 - § 70% - 80% untuk bebanan pada awal latihan.
- ✚ Tentukan jumlah set dan ulangan, menurut Anario (1975) bagi aktiviti bebanan, permulaan lakukan 10 kali ulangan pada tahap 50% dalam satu set boleh dilakukan dengan adanya masa rehat diantara set.
- ✚ Untuk jangka masa latihan 4 minggu ini dianjurkan pada kekerapan latihan adalah sekali seminggu.
- ✚ System latihan bebanan yang memberi tumpuan kepada bilangan set dan ulangan.
- ✚ Aktiviti-aktiviti latihan bebanan yang dianjurkan adalah melibatkan kumpulan otot-otot besar.

Sistem Latihan Bebanan dan Kekuatan

System yang boleh membantu atlet dalam pencapaian sukan adalah :

- ✚ System set, program latihan yang memberikan tumpuan kepada bilangan set dan ulangan.
- ✚ Superset, senaman keatas dua otot yang bertentangan, atau salah satu kumpulan otot pada dua sudut yang berbeza.
- ✚ Triset, senaman keatas satu kumpulan otot pada tiga sudut yang berbeza.
- ✚ Giant set, senaman keatas satu kumpulan otot pada empat sudut yang berbeza.
- ✚ Split system training, program harian latihan keatas kumpulan otot yang berbeza pada hari yang berlainan.

- ✚ Latihan litar, latihan stesen ke stesen yang berbeza aktiviti, sesuai untuk latihan daya tahan otot.
- ✚ Pyramid, ansur maju dalam senaman dari beban ringan ke berat atau pengurangan dan penambahan ulangan.
- ✚ Decending set, seperti pyramid, dari beban berat ke ringan.

Komponen Latihan

1) Isipadu latihan

Isipadu latihan merujuk kepada kuantiti keseluruhan aktiviti yang dilakukan dalam suatu latihan. Ia boleh dilihat sebagai bilangan jam, sesi atau bilangan hari latihan yang dijalankan. Adaptasi fisiologi berlaku apabila seorang atlet melalui latihan yang tinggi isipadunya.

Menurut Bompa (1983), proses pemulihan juga ditingkatkan oleh hasil daripada penyesuaian organism kepada jumlah kerja yang tinggi. Namun demikian, isipadu kerja yang terlalu tinggi pada setiap sesi latihan boleh membantu prestasi atlet. Peningkatan isipadu yang tidak bersesuaian juga boleh mengakibatkan penggunaan otot yang tidak ekonomi, mengalami kelesuan dan seterusnya menyebabkan kecederaan kepada atlet. Oleh itu adalah lebih selamat Meningkatkan bilangan sesi latihan perkitaran mikro daripada per sesi latihan.

2) Intensity latihan

Intensity latihan adalah komponen kerja yang bersifat kualitatif dalam satu masa yang ditetapkan. Menurut pakar-pakar fisiologi, kadar nadi latihan yang berdasarkan kepada 75% dari perbezaan diantara kadar nadi maksima dan kadar nadi rehat adalah satu pengukuran intensity kerja yang menesabah dan selamat untuk memberi kesan kepada tubuh badan. Intensity juga menimbulkan rangsangan saraf yang digunakan dalam latihankekuatan, rangsangan ini bergantung kepada:

- ✚ Beban
- ✚ Kepantasan melakukan pergerakan

- ✚ Variasi jeda rehat di antara ulangan
- ✚ Tekanan psikologi

Intensity Values and Load Used in Strength Training

Intensity Value	Intensity	Percent of 1 RM	Type Of Contraction
1	Super maximum	>105	Eccentric/isometric
2	Maximum	90 – 100	Concentric
3	Sub-maksimum	80 – 90	Concentric
4	Sederhana	70 – 80	Concentric
5	Intermediate	50 – 70	Concentric
6	Rendah	30 – 50	Concentric

Sumber : Bompa, T. O (1983) *Theory and Methodology of Training*, IOWA: Kendall Hunt Pulic Company.

Kaedah lain bagi menilai intensity latihan adalah berdasarkan perubahan fisiologi melalui denyutan jantung. Dengan menghitung kadar denyutan jantung dalam seminit intensity latihan dapat ditentukan. Berikut jadual penentuan zon intensity berdasarkan denyutan jantung

Zon	Jenis Intensiti	Denyutan/minit
1	Rendah	120 – 150
2	Sederhana	150 – 170
3	Tinggi	170– 185
4	Maksima	>185

Seseorang akan lebih cekap apabila intensity kerjanya kurang, dengan itu isipadu meningkat. Bagi sukan yang memerlukan kepantasan dan kekuatan, intensity perlu ditumpukan pada afa pertandingan. Sebaliknya sukan yang memerlukan dayatahan, isipadu ialah elemen yang akan ditinggalkan dalam suatu fasa latihan.

3) Density latihan

Kekerapan seorang atlit dirangsangkan per unit masa disebut sebagai density latihan. Ia merujuk kepada masa diantara kerja dan fasa pemulihan daripada suatu latihan. Jeda rehat antara dua rangsangan latihan adalah bergantung kepada :

- ✚ Intensity dan jeda masa setiap latihan
- ✚ Status latihan atlit
- ✚ Fasa latihan
- ✚ Sukan yang khusus

Rangsangan yang melebihi sub-maksimum akan memerlukan jeda rehat yang panjang dibandingkan dengan rangsangan yang rendah intensitinya. Kaedah yang mengira jeda rehat adalah melalui denyutan jantung. Jeda antara satu rangsangan kepada yang lain adalah apabila denyutan jantung turun kepada 120 – 140 denyutan/minit. Selain daripada itu, Harre (1977) dipetik dari Bompa, mencadangkan bahawa kaedah nisbah antara kerja dan rehat bagi dayatahan dengan intensity adalah :

- ✚ Density optima adalah 1:0.5 – 1:1
- ✚ Intensity tinggi adalah 1:3 – 1:6
- ✚ Latihan bagi kekuatan dan kuasa yang maksima, jeda rehatnya adalah antara 2 hingga 5 minit bergantung kepada peratus beban dan ritma prestasi.

4) *Kompleksiti.*

Aspek fisiologis Latihan Bebanan

Untuk menggerakkan suatu objek atau mengubah arah suatu objek, suatu daya perlu beraksi. Pergerakan badan manusia bergantung kepada daya kontraksi otot skeletal yang bekerja dalam satu kumpulan untuk membekalkan pergerakan kompleks kepada manusia. Otot skeleton mengandungi elemen

yang panjang dan nipis iaitu myofibril. Bilangan myofibril yang banyak akan fiber otot. Fiber-fiber otot akan membentuk fasikuli, otot terbentuk dari beberapa fasikuli.

Fiber otot dirangsangkan oleh fiber saraf dari saraf tunjang untuk berkontraksi, fiber saraf ini beraksi di atas unit motor untuk menghasilkan kontraksi yang semaksimanya. Situasi ini dikenali sebagai all-or-none. Walaupun fiber otot berkontraksi dengan semaksimanya, daya kontraksi adalah bergantung kepada kehadiran nutrient kimia. Contohnya bahan buangan seperti asid laktik yang terbentuk akan melemahkan kontraksi otot.

Otot mengandungi terutamanya air dan protin dan bahan-bahan lain dengan amaun yang kecil. Tenaga untuk kontraksi diperolehi apabila percaturan antara dua jenis protin berpecah dalam perubahan kimia yang dibawa oleh impuls saraf. Terdapat dua proses penghasilan tenaga untuk kontraksi otot iaitu aerobic dan anaerobic. Dalam aktiviti anaerobic, oksigen tidak diperlukan dan tenaga diperolehi dari bahan kimia yang sedia ada dalam tisu. Asid laktik akan dihasilkan dan ini membataskan masa untuk intensity kerja yang tinggi. Atlet perlu mengambil oksigen untuk menyingkirkan asid ini sebelum menyambung latihan. Ahli fisiologi sukan menyebut tentang hutang oksigen adalah disebabkan oleh aktiviti anaerobic.

Dalam aktiviti aerobic, intensity pergerakan adalah rendah dan cukup untuk system kardiovaskular mencapai permintaan oksigen. Walaupun tahap asid laktik tinggi tetapi asid ini disimpan menerusi oksigen yang diperolehi.

Dalam kebanyakan sukan memerlukan kedua-dua aktiviti aerobic dan anaerobic. Latihan beban yang biasa merupakan aktiviti anaerobic dimana masa rehat adalah diantara satu set latihan dengan set latihan yang lain.

Latihan beban anaerobic adalah kecenderungan untuk Meningkatkan kekuatan pecutan dan koordinasi kontraksi otot serta dalam beberpa keadaan ia Meningkatkan saiz otot. Latihan beban aerobic berlitar membantu dalam perkembangan system respiratori.

LATIHAN BEBANAN UNTUK LAWAN PEDANG

Sejarah Lawan Pedang Moden

Lawan pedang dimulakan lebih dari 800 tahun, bermula dari pertarungan sehingga mati sampai menjadi sukan secara lengkap. Kepantasan gerak dan pengaturan strategi yang dilakukan sejak dulu masih digunakan hingga sekarang. Sukan lawan pedang terkenal dikalangan kaum lelaki dan perempuan, tetapi apabila kompetisi dipisahkan antara lelaki dan perempuan. Lawan pedang memerlukan koordinasi, kepantasan, agility, ketenangan, ketelitian dan keyakinan diri sebab apabila bertanding harus menganalisis permainan lawan dan harus membangun strategi secara bersamaan.

Melalui sukan lawan pedang, kita boleh belajar bahawa hasil tidak mudah diperolehi, melainkan dengan mengatur strategi dengan tepat dan teliti. Tradisi ini telah diwarisi sejak dulu, oleh itu, lawan pedang boleh menjadi sukan pendidikan yang sebenar. Lawan pedang terbagi menjadi 3 bahagian iaitu :

Foil

Pada abad pertengahan dicipta sebuah pedang yang ringan yang panjangnya iaitu 110cm, pedang ini nipis dan tajam pada bahagian hujung, mempunyai pelindung yang berbentuk bundar dan terdapat batang yang menyilang pada bahagian pemegang. Foil moden adalah pedang yang ringan, bentuknya seperti persegi dan runcing. Bahagian pelindung relatif tebal dan keras, bahagian hujung lentuk, rata seperti butang yang harus sesuai dengan hujung elektrik apabila pada pertandingan rasmi.

Epee

Epee bermula pada abad ke-16, epee mempunyai pedang yang panjang dan tajam, ia pula terdapat tepi dan hujung yang paling tajam yang boleh digunakan untuk memotong dan mencucuk, Pelindungnya seperti sebuah keranjang yang terdapat lubang. Epee yang moden, berbentuk segitiga yang terdapat bahagian yang menyilang, dan kurang tajam pada tepi. Ianya mempunyai kebolehan untuk bergerak hadapan dan ke belakang, tetapi tidak ke tepi, Hujung elektrik digunakan untuk recording. Berlainan dengan foil, target epee adalah seluruh badan pemain.

Sabre

Sabre moden diambil daripada asal dan tradisi daripada tentera berkuda sabre. Sabre orang hungari berasal daripada bentuk yang simetri, rata, memiliki sedikit lekungan dan tidak seluas dan setebal sabre tentera berkuda perancis. Orang hungari tidak boleh menyempurnakan sabre mereka, sampai dikembangkan oleh orang itali.

Sabre moden adalah pedang yang boleh mencucuk dan memotong. Dulu, lawan pedang sabre digunakan khas untuk non elektrik, ertinya segala keputusan berada pada pengadil. Pada sabre, target adalah bahagian horizontal tubuh antara kepala, paha, dan bahagian tubuh pemain pada posisi bersedia.

Program Latihan Bebanan Untuk Lawan Pedang

Example of General Training Priorities by Sport Seasons			
Priority given to :			
Sport Seasons	Sport Practice	Resistance Training	Resistance Training Goal
Off Seasons	Low	High	Hypertrophy and muscular endurance (initially), strength and power later.
Pre Seasons	Medium	Medium	Sport and movement specific, (strength, power, or muscular endurance, depends on sport)
In Seasons	High	Low	Maintenance of pre season main goal.
Post Seasons (active rest)	variable	Variable	Not specific (may include activities other than sport skill or resistance training.

Sumber : *The Ultimate Guide to Weight Training for fencing, Robert Price, 2003*

BENTUK LATIHAN	Fasa Latihan				
	General preparation	Specific preparation	Pre competition	Competition	Transition
	Anatomi adapt Strength 2 - 5 reps 3 set 80 - 100 %	Power 12 - 15 reps 3 set 50 - 60 %	Speed and endurance 15 - 20 reps 3 set 30 - 50 %	Maintanance 15 - 20 reps 3 set	Active rest
Two Arms Curl (Bisep)					
Heels Raise					

(gastrocnemius and soleus)					
High pull (deltoid)					
Sit up (rectus abdominis)					
Split (hamstrings, gluteal, dan quadriceps)					
Press (deltoid and triceps)					
Back up (erector spinae)					
Squat (hamstrings, gluteal, dan quadriceps)					
Wrist curl					
Bench press(pectoralis major, anterior deltoid, triceps)					
Snatch					

Kekerapan Latihan

Latihan hendaklah kerap, kekerapan latihan menjamin peningkatan kecergasan dan kemahiran (skills). Kekerapan latihan adalah jumlah sesi seminggu, sebulan, atau setahun.

Resistance Training Frequency Based on Training Status	
Training Status	Frequency guidelines (sessions/week)
Beginner	2 – 3
Intermediate	3 – 4

Advanced	4 – 7
----------	-------

Resistance Training Frequency Based on the Sport Seasons (For a Trained Athlete)	
Sport Seasons	Frequency guidelines (sessions/week)
Off Seasons	4 – 6
Pre Seasons	3 – 4
In Seasons	1 – 2
Post Seasons (active rest)	1 – 3

Sumber : The Ultimate Guide to Weight Training for fencing, Robert Price, 2003.

Massa Latihan

Massa latihan bergantung rapat dengan intensity aktiviti latihan. Keupayaan menaikkan kadar nadi ketahap 75% dan 85% daripada paras 0% (kadar nadi rehat) dalam jangka masa melebihi 30 minit adalah mencukupi bagi menghasilkan kecergasan yang signifikan.

Dosej maksima latihan yang menggunakan peralatan free weight dicari dengan seorang atlet itu perlu mengangkat bebanan seberat 20% daripada berat badan, seberapa banyak ulangan yang boleh dilakukan sehingga atlet itu merasa lesu (fatigue). 50% dari jumlah maksima tersebut akan dikira sebagai aktiviti bebanan. Tujuannya ialah untuk mengekalkan daya tahan otot yang diperlukan atlet tersebut.

Dosej maksima bagi latihan yang menggunakan peralatan mesin adalah berdasarkan berat badan maksimum yang boleh diangkat untuk sekali angkatan sahaja. 50% dari angkatan tersebut digunakan untuk aktiviti latihan bebanan untuk daya tahan otot dengan membuat ulangan sebanyak 15 – 20 kali setiap set. (Anarino 1976)

Pada latihan ini dosej maksima yang hendak dicari akan melibatkan beban pelatih. Berat pelatih digunakan sebagai beban pengukur atau masa sasaran.

20% dari berat atlet digunakan sebagai pemanasan badan, dengan bilangan ulangan 15 kali. Jika 20% itu ialah 14 kg pada set pertama, ulangan yang diberi ialah 15 kali dengan rehat 2 minit, dan pada set kedua bebanan perlu ditambah lagi sampai tidak terdaya oleh atlet. Semua catatan angkatan hendaklah direkod dan jumlah angkatan juga dicatat. Menurut James A. Peterson dan Cedric X. Bryant, untuk atlet permulaan dicadangkan sebanyak 8 – 12 kali ulangan untuk single set program workout. Jumlah dosej ini akan digunakan untuk fasa persediaan umum sahaja. Untuk fasa berikutnya perlu mencari dosej maksimumnya semula bagi Meningkatkan prestasi atlet.

Massa dasar : berat bebanan awal yang boleh diangkat oleh atlet, ianya bergantung kepada kemampuan atlet.

Massa sasaran : massa yang ingin dicapai melalui latihan bebanan. Kekuatan maksimum 80 – 100%, hypertrophy 60 – 80%, kuasa 50 – 60%, dayatahan otot 30 – 50%.

Jumlah Set dan Rehat Antara Latihan

Set adalah jumlah repetisi per latihan yang diikuti dengan interval rehat. Jumlah set bergantung pada jumlah latihan. Jumlah set menurun manakala jumlah latihan bertambah. Jumlah set juga bergantung kepada kemampuan atlet dan kesanggupan untuk berlatih, jumlah kumpulan otot yang akan dilatih, dan fasa latihan. Merujuk kepada program latihan bebanan, ia haruslah dimulai dengan penyesuaian dengan alatan seperti yang terdapat dalam fasa Anatomi Adaptation, fasa Hypertrophy, fasa Maximum Strength, explosive power, dan fasa speed Endurance. Pada setiap fasa terdapat jumlah ulangan dan bilangan set yang perlu untuk mendapat kesannya.

Fasa Anatomi Adaptation

Beban 50% dengan tempo 3:3:2, objektifnya adalah untuk membina kelenturan dan dayatahan, membina kekuatan yang seimbang antara otot antagonis dan anggota badan yang lain.

Hypertrophy

Beban 60 – 80 % dengan tempo 3:1:2, tujuannya adalah untuk membina kekuatan dan menambah saiz otot.

Maximum Strength

Beban 80 – 100 % dengan tempo 3:1:3, untuk membina kekuatan yang maksima.

Explosive Power

Beban 50 – 60% dengan tempo 1:1:4, untuk menghasilkan kekuatan dan kuasa ledakan.

Rest Interval Between Sets

Load Percent	Speed of Performance	Rest Interval (minute)	Applicability
>105 (eccentric)	Slow to medium	4 – 5	improve maximum strength and muscle tone.
80 – 100	Slow to medium	3 – 5	mprove maximum strength and muscle tone
60 – 80	Slow to medium	2	mprove muscle hypertrophy
50 – 60	Slow to medium	4 – 5	mprove power
30 – 50	Slow to medium	1 – 2	mprove M – E

Sumber : Bompa, Tudor O, periodization : theory and methodologi of training, 1994.

SISTEM TENAGA

Tenaga di dalam tubuh yang dipergunakan untuk aktiviti tersedia dalam bentuk adenosine triphosphate (ATP). Ia adalah sebuah molekul yang dibentuk dengan ikatan yang bertenaga tinggi, apabila terjadi pemisahan oleh kerja enzyme. ATP dikelaskan sebagai campuran yang bertenaga tinggi dan disimpan dalam jaringan dengan jumlah sedikit. Bentuk lain yang berhubungan dengan campuran phosphate bertenaga tinggi ialah phosphate creatine (PCr), ia juga ditemukan dalam jaringan dengan jumlah sedikit. Meskipun ia tidak boleh digunakan sebagai sumber tenaga segera, ia boleh menambah kepantasan ATP.

Pertimbangan yang utama dalam beberapa jenis sukan adalah kadar penghasilan tenaga. Tuntutan penampilan fizikal dari setiap sukan yang berbeza memerlukan sumber tenaga yang khusus. Tubuh menyimpan tenaga dalam bentuk yang bervariasi, iaitu dalam bentuk ATP, PCr, glycogen, dan lain-lain.

System ATP-PCr dikenali juga sebagai system phosphagen, kerana kedua-dua adenosine triphosphate (ATP) dan phosphocreatine (PCr) mengandungi phosphates. ATP adalah tenaga yang boleh digunakan segera untuk hamper semua aktiviti tubuh, termasuk kontraksi otot. Campuran bertenaga tinggi ini disimpan didalam otot, kemudian akan dikeluarkan dengan cepat apabila dorongan elektrik sampai kepada otot. PCr juga ialah campuran yang bertenaga tinggi yang terdapat dalam otot, akan membantu mempercepat pembentukan ATP sehingga ATP boleh digunakan. Tenaga dikeluarkan apabila PCr dipecahkan menjadi bentuk ATP dari ADP dan P. PCr tersedia dalam jumlah yang sedikit dan perlu ditambah apabila telah digunakan. System ATP-PCr ialah kritikal untuk menghasilkan tenaga, kerana phosphagens tersedia dalam jumlah yang sedikit. Dalam latihan antara 5 – 10 saat boleh mengurangkan persediaan bagi otot.

System lactic asid tidak boleh digunakan langsung sebagai sumber tenaga bagi kontraksi otot, tetapi ia boleh membantu menambah kecepatan ATP

apabila diperlukan. Sumber tenaga yang baik selain PCr ialah glycogen otot. Bagi digunakan sebagai tenaga, glycogen otot harus dipecah menjadi glukosa, yang disebut dengan proses glycolisis. Jika tersedia oksigen, boleh dibentuk ATP dalam jumlah yang banyak, proses ini disebut aerobic glycolisis. Anaerobic glycolisis ialah pembentukan ATP melalui asid lactic dengan oksigen yang sedikit.

System yang ketiga adalah system oksigen, ia juga dikenal sebagai system aerobic. Aerobic adalah suatu bentuk yang telah digunakan oleh Dr. Kenneth Cooper pada tahun 1968 untuk menggambarkan system pelatihan yang menciptakan revolusi latihan di negaranya. Latihan aerobic diciptakan untuk menekan system oksigen dan berguna untuk jantung dan paru-paru. Kegunaan yang utama dari system oksigen diatas kedua-dua system yang lain adalah ia menghasilkan tenaga yang banyak dalam bentuk ATP. System oksigen digunakan terutama untuk sukan yang berasaskan dayatahan, seperti larian jarak jauh antar 5 km (3.1 miles) sehingga 26.2 miles dan seterusnya.

Hawley dan Hopkins membagi system tenaga oksigen kepada dua bahagian, iaitu aerobic glycolisis yang menggunakan karbohidrat (glycogen otot dan glukosa darah) bagi menghasilkan tenaga dan aerobic lipolisis yang menggunakan lemak (triglycerides otot, FFA darah). Aerobic glycolisis dan aerobic lipolisis berturut-turut ditunjukkan sebagai kuasa aerobic dan kapasiti aerobic.

Ciri – ciri Umum Tiga Mekanisma Pembentukan ATP

Mekanisma	Makanan/Bahan Kimia	Memerlukan Oksigen	Penghasilan ATP
Anaerobic System ATP – PC (alaktik)	Phosphocreatine	Tidak	ATP
Anaerobic System asid laktik (laktik)	Glikogen (glukosa)	Tidak	Sedikit/terhad

Aerobic System oksigen	Glikogen, lemak, protin	Ya	Banyak/idak terhad
------------------------	-------------------------	----	--------------------

Terdapat tiga perkara yang penting dalam lintasan aerobic dan anaerobic (semasa tubuh dalam keadaan rehat dan bekerja) yang harus diberi perhatian : (1) jenis makanan yang diperlukan, (2) peranan yang dimainkan oleh setiap lintasan (pathway), dan (3) kehadiran serta penambahan asid laktik dalam darah. Asid laktik yang berlebihan mengganggu pergerakan yang aktif dan membuat tubuh cepat letih dan lesu.

Batasan Aerobik/Anaerobik Mengikut Jangka Masa Kerja


Masa Kerja Keupayaan Maksima	Anaerobic Alaktik	Anaerobik Laktik	Aerobic
5 saat	85*	10	5
10 saat	50	35	15
30 saat	15	65	20
1minit	8	62	30
2 minit	4	46	50
4 minit	2	28	70
10 minit	1	9	90
30 minit	Tiada kesan	5	9
1 jam	Tiada kesan	2	98
2 jam	Tiada kesan	1	99


*anggaran peratusan bekalan tenaga mengikut jangka masa latihan

Jangka masa kerja dan batasan aerobic dan anaerobic boleh digunakan ketika hendak menentukan jenis tenaga dan banyak mana setiap jenis tenaga diperlukan oleh atlet berkenaan. Jangka masa latihan haruslah digunakan


untuk panduan dalam merancang aktiviti latihan mengikut jenis sukan. Menurut Fox, Bowers, dan Foss 1988, sistem tenaga yang diperlukan semasa latihan ialah ATP – PC dan LA ialah 85% dan LA O₂ ialah 15%.

Skema Sederhana Formasi ATP dari Karbohidrat, Lemak, dan Protein






Simplified Flow Diagram of the Three Energy System



2

3

CO₂



H₂O

1

Phosphocreatine (PCr)

1

Energy for muscle contraction

MENGAWAL TEKANAN

Stress adalah suatu keadaan yang terjadi apabila menghadapi suatu aktivitas khusus. Ini merupakan cara tubuh untuk menghadapi cabaran itu dan bersiap menghadapi keadaan dengan fokus, kekuatan, stamina, dan kewaspadaan yang tinggi. Sedikit stress yang tepat sasaran boleh membantu atlet supaya siap siaga menghadapi segala cabaran. Sesuatu yang membuat terjadinya stress disebut “stressor”, stress juga boleh diertikan sebagai respon untuk mengatisipasi terhadap sesuatu yang akan terjadi samaada baik atau buruk.

Distress ialah jenis stress yang buruk yang terjadi akibat seseorang harus mengahdapi pelbagai tuntutan yang negative. Melakukan sesutau aktiviti dengan mengalami terlalu banyak stress boleh menghabiskan tenaga.

Eustress ialah jenis stress yang baik, iaitu datang apabila terdapat cabaran dan seseorang seronok menghadapi cabaran itu, akan tetapi harus bekerja

keras menghadapinya. Eustress memberikan motivasi untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam menyelesaikan tugas.

Dalam suatu pertandingan, atlet boleh mengawal tekanan dengan cara-cara berikut ini :

- ✚ Deep breathing, cari tempat yang sunyi untuk duduk, hela nafas perlahan melalui hidung sehingga masuk kedalam paru-paru, tahan nafas selama 5 saat, kemudian keluarkan perlahan, ulang kembali sebanyak 5 kali.
- ✚ Muscle Relaxtion, regangkan otot kuat-kuat, tahan selama 5 saat, kemudian kendorkan. Ulang kembali latihan ini sebanyak 5 kali, pilih kumpulan otot yang berbeza.
- ✚ Muscle Relaxtion, tutuplah kedua mata dan bayangkan sebuah tempat yang damai atau sebuah aktiviti di masa lampau, bayangkan pemandangan yang menarik ataupun suara yang sedap di dengar. Bayangkan bahawa stress hilang dari dalam diri, boleh juga membayangkan mengenai kejayaan. Kepada atlet disarankan untuk membayangkan bagaimana atlet tersebut Berjaya menamatkan pertandingan di masa lampau, kejayaan membuat poin-poin yang baik, hal demikian boleh membantu mengurangkan stress dan menambah kepercayaan diri.
- ✚ Mindfulness, jauhilah berpikir negative. Apapun yang dipersiapkan untuk pertandingan, ucapkanlah pada diri sendiri bahawa : " I learn for my mistakes!" : "I'm in control of my feelings!" "I can make this goal!"

Bagaimana Cara Supaya Tekanan tetap Terkawal ?

- ✚ Perlakukan tubuh dengan baik dan benar. Iaitu makan dengan benar, cukup tidur, terutama pada saat pertandingan dimana terdapat tekanan yang sangat tinggi.

- ✚ Belajar dan berlatih tehnik untuk relaksasi seperti yang telah dituliskan diatas.
- ✚ Lakukanlah aktiviti lain selain sukan yang dilakukan, seperti berjalan, bersepeda, dan jangan melakukan sukan yang membuat atlet tertekan.
- ✚ Don't try to be a perfect, jangan terlalu berarap bahawa rakan satu tim semuanya sempurna, cubalah memafkan diri sendiri, ingatkan diri sendiri kepada penampilan-penampilan yang baik yang pernah dibuat, kemdian majulah.
- ✚ Enjoy the game, kejayaan adalah sesuatu yang menyeronokkan. Akan tetapi kekalahan dan bebrapa stress adalah bahagian hampir selalu ada dalam semua jenis sukan. Sukan adalah segala sesuatu tentang bagaimana cara menaikkan keyakinan diri, membina kecekapan social, dan membaiki rasa kebersamaan. Dan diatas semua itu, sukan adalah segala sesuatu mengenai keseronokan.

SUPPLEMENT

Supplement atau disebut juga ergogenic aids adalah suatu produk yang digunakan untuk meningkatkan penampilan dalam melakukan sukan. Supplement terdapat dalam pelbagai bentuk, misalnya vitamins, ubat-ubatan shyntetic, dan hormonal, kebanyakannya boleh didapati di kedai ubat tanpa menggunakan preskrip. Beberapa orang berfikir bahawa supplement boleh membantu membinan masa otot, Meningkatkan kekuatan, dan membina stamina. Beberapa orang juga menggunakan supplement untuk menurunkan berat badan. Beberapa organisasi sukan telah memperbaiki kebijana mereka mengenai penggunaan supplement. The Nationale Football League (NFL), The National Collegiate Athletic Association (NCAA), and the International Olympic Committee (IOC) melarang atlit menggunakan steroid, ephedra, dan androstenedione. Apabila mereka menggunakan ubat-ubatan tersebut maka akan dikenakan denda ataupun diskualifikasi.

Suplemen dan Kesannya Terhadap Badan

Anabolic Steroid

Anabolic steroid adalah hormone yang boleh membina jaringan otot dan Meningkatkan masa otot. Steroid dikenal pula dengan nama roids ataupun juice, sama dengan hormone testosterone pada lelaki, yang secara semulajadi dihasilkan tubuh dengan jumlah yang besar pada lelaki dan dalam jumlah yang sedikit pada perempuan. Apabila menggunakan steroid, jaringan otot dirangsang untuk tumbuh, sehingga menghasilkan otot yang besar dan kuat.

Steroid juga mempunyai kesan yang buruk, seperti tekanan darah tinggi, penyakit jantung, kerosakan hati dan kanser, gangguan kantung kemih, stroke, dan gangguan tidur. seseorang yang menggunakan steroid boleh membina ototnya menjadi besar, tetapi mereka juga akan mengalami resiko kebotakan dan jerawat. Lelaki yang menggunakan steroid, boleh mengalami gangguan fertilisasi, buah dada dan putingnya membesar, dan mengalami gangguan ereksi. Pada perempuan, boleh mengalami gangguan suara, buah dada kecil, gangguan menstruasi, dan masalah rambut.

Steroid juga boleh berkesan terhadap emosi penggunaanya, seperti berkesan terhadap mood, kelakuan yang aggressive, irritability, dan depresi. Pada remaja yang terinfeksi steroid boleh menyebabkan HIV atau hepatitis.

Human growth hormone

Supplement lain yang biasa digunakan adalah Human Growth Hormone (HGH). Doctor akan memberikan hormone pertumbuhan ini bagi orang-orang yang mempunyai masalah dalam pertumbuhan secara normal. Tetapi hormone ini boleh disalah gunakan oleh orang-orang yang hendak membina otot. Atlit remaja yang menyalahgunakan hormone ini boleh menyebabkan kerosakan dan perubahan jumlah hormone.

Creatine

Kreatin dibuat oleh tubuh dalam hati, ginjal, dan pancreas, dan ini boleh didapati daripada pemakanan secara semulajadi seperti daging dan ikan. Apabila atlet juga menggunakan kreatin sebagai supplement, maka kelebihan kreatin tersebut akan disimpan dalam otot, dan mereka berpikir bahawa hal itu boleh menaikkan tenaga pada saat bekerja ataupun pertandingan.

